**SMK RIAM, MIRI**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM III**
**NOVEMBER 2022**

**PERNIAGAAN**
**KERTAS 1** **Nama :** ____________________
**3766/1**
**1 JAM 15 MINIT** **Kelas :** ____________________
**TINGKATAN 5**

Arahan : Kertas soalan ini mengandungi **40 soalan.** Sila isi jawapan pilihan anda pada kotak di halaman terakhir kertas soalan.

1. Apakah tujuan utama sesuatu perniagaan itu wujud dalam masyarakat
   A Penawaran barang dan perkhidmatan
   B Mewujudkan peluang pekerjaan
   C Menambahkan pendapatan negara
   D Membantu masyarakat setempat

2. Perniagaan manakah yang merupakan milikan tunggal?
   A Kedai Runcit Ali
   B Restoran Syed dan Sheikh
   C Koperasi Kg Rebana Berhad
   D Syarikat JAZZ Sendirian Berhad

3. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri suatu bentuk pemilikan perniagaan.
   - Perniagaan dikendalikan mengikut satu sistem piawaian yang ditetapkan oleh pemegang hak sesuatu jenama
   - Peniaga boleh menggunakan jenama atau cap dagangan pemegang hak
   - Peniaga tidak boleh melakukan sebarang inovasi tanpa kebenaran pemegang hak

   Apakah bentuk pemilikan tersebut?
   A Francais
   B Usaha sama
   C Kedai sejaras
   D Syarikat sendirian berhad

4. Manakah antara berikut sektor primer?
   A Pembuatan dan perkilangan
   B Pembekalan tenaga
   C Pembinaan
   D Pertanian

5. Antara yang berikut, yang manakah punca berlakunya inflasi?
   I. Peningkatan tinggi permintaan berbanding penawaran barang
   II. Peningkatan tinggi penawaran berbanding permintaan barang
   III. Penduduk meramalkan kejatuhan harga barang dan perkhidmatan
   IV. Kenaikan kos pengeluaran barang dan perkhidmatan

   A I dan II
   B I dan IV
   C II dan III
   D III dan IV

- Melaksanakan dasar fiskal dan kewangan untuk mengatasi masalah kemelesetan ekonomi.
- Perniagaan terus dapat beroperasi dan mengelakkan pengurangan bilangan pekerja

6. Apakah jenis pengangguran yang cuba diatasi oleh kerajaan?
   A Pengangguran kitaran
   B Pengangguran struktur
   C Pengangguran teknologi
   D Pengangguran bermusim

7. Aspek undang-undang manakah tidak memberi kesan terhadap persekitaran perniagaan?
   A Kawalan
   B Persaingan
   C Perancangan

D Kesihatan dan keselamatan

8. Maklumat yang berikut berkaitan dengan satu faktor luaran yang mempengaruhi perniagaan.

**Kerajaan telah memperkenalkan cukai barang dan perkhidmatan (GST) pada kadar 6% pada 1 April 2015**

Apakah faktor luaran tersebut?

A Politik dan perundangan
B Ekonomi
C Sosiobudaya
D Teknologi

9. Pernyataan manakah yang benar tentang visi?

I Menggambarkan matlamat jangka panjang yang ingin dicapai
II Mengambil masa melebihi lima tahun untuk mencapainya
III Menerangkan aktiviti perniagaan yang sedang dijalankan
IV Menyatakan sebab sesebuah organisasi wujud

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

10. **Alin menerangkan kualiti shampoo dihasilkan oleh syarikatnya kepada pelanggan supaya pelanggan menyakini dan membuat keputusan membeli produk tersebut**

Apakah alasan anda yang menyatakan tindakan Alin boleh menyumbangkan kepada pencapaian objektif syarikatnya?

A Shampoo yang berkualiti tinggi boleh meningkat imej syarikat
B Shampoo merupakan produk yang dihasilkan oleh perniagaannya
C Penambahan jualan shampoo boleh meningkatkan pendapatan syarikat
D Kejayaan Alin mempengaruhi pelanggan membuat keputusan membeli shampoo

11. Penyataan di bawah merujuk kepada kesan kegagalan perniagaan mencapai matlamat dan objektif

**Kegagalan mendapatkan untung boleh menjejaskan imej syarikat**

Apakah kesannya terhadap perniagaan

A Sukar untuk mendapatkan pembiayaan bank
B Terpaksa membayar pembekal secara tunai
C Pengguna tidak akan membeli produk syarikat
D Sukar untuk mendapatkan bekalan bahan mentah

12. Pernyataan berikut berkaitan dengan Enak Frozen Food.

**Enak Frozen Food bercadang meningkatkan jualan dengan menerima tempahan secara atas talian dan membuat penghantaran ke premis pembeli**

Apakah faktor utama yang mempengaruhi perubahan strategi tersebut?

A Mempunyai sumber kewangan bagi menampung kos berkaitan
B Mempunyai tenaga pekerja yang mahir dan berpengalaman
C Perniagaan dilindungi oleh undang-undang
D Perubahan dalam teknologi

13. Pernyataan manakah merupakan tujuan bahagian fungsian pentadbiran?

A Merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal demi mencapai matlamat organisasi
B Menyelaras aktiviti organisasi bagi mencapai matlamat organisasi
C Menjalankan aktiviti sokongan untuk seluruh organisasi
D Merancang kewangan organisasi perniagaan

14. Maklumat menunjukkan peranti teknologi maklumat dan komunikasi.
    - Komputer riba
    - Telefon
    - Mesin faksimili

    Apakah peranan peranti tersebut dalam fungsian sumber manusia?

    A Menjimatkan masa
    B Tidak perlu melatih pekerja
    C Mengurangkan penggunaan buruh
    D Memudahkan penilaian data perniagaan

15. **X** merupakan satu proses perancangan, pengagihan, pengawalan dan kepimpinan modal insan organisasi. Apakah yang berkaitan dengan **X**?

    A Pengurusan sumber kewangan
    B Pengurusan sumber manusia
    C Pengurusan sumber fizikal
    D Pengurusan pengeluaran

16. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan unsur dalam campuran pemasaran.

    **Para pemborong dan peruncit sangat berminat untuk berurusan dengan Syarikat Agroshop Sdn. Bhd. kerana keluaran syarikat menerima sambutan baik daripada para pengguna.**

    Apakah unsur dalam campuran pemarasan yang terlibat?

    A Produk dan Harga
    B Agihan dan Promosi
    C Produk dan Promosi
    D Produk dan Agihan

17. Maklumat berkaitan dengan konsep pengurusan yang diamalkan dalam sebuah organisasi
    - Total Quality Management
    - Zero Defect

    Apakah peranan yang dimainkan oleh pengurusan sumber manusia organisasi tersebut?

    A Membina persekitaran kerja yang harmoni
    B Menggalakkan kreativiti dan inovasi
    C Pemberian insentif yang munasabah
    D Pemantapan budaya professional

18. Maklumat yang berikut berkaitan dengan peranan pengurusan sumber manusia.

    **Pengurus menetapkan Indeks Pencapaian Utama (KPI) kumpulan untuk memastikan hasil kerja yang ditetapkan dapat dicapai**

    Apakah peranan pengurusan sumber manusia?

    A Menentukan deskripsi tugas
    B Pemantapan budaya profesional
    C Menggalakkan kreativiti dan inovasi
    D Membangunkan pasukan untuk mencapai sasaran

19. Maklumat yang berikut boleh diperolh dalam satu dokumen formal perancangan sumber manusia
    - Tajuk kerja
    - Ringkasan kerja
    - Tanggungjawab kerja
    - Hubungan autoriti

    Apakah dokumen berkenaan?

    A Kontrak kerja
    B Analisis kerja
    C Deskripsi tugas
    D Struktur organisasi

20. Mengapakah pekerja perlu mematuhi Standard Prosedur Operasi (SOP) dalam pelaksanaan tugas?

    A Meningkatkan kecekapan pekerja
    B Memelihara keselamatan pekerja
    C Memaksimumkan risiko pekerja
    D Menghargai usaha pekerja

21. Maklumat berikut berkaitan dengan sumber manusia
    - **Menjaga kebajikan pekerja**
    - **Mengagihkan sumber manusia berdasarkan kelayakan dan kemahiran**

    Apakah yang boleh dikaitkan dengan maklumat di atas?

    A Pengurusan sumber manusia
    B Kebolehkerjaan sumber manusia
    C Sistem penggajian sumber manusia
    D Struktur organisasi sumber manusia

22. Antara berikut, yang manakah merupakan contoh harta intelek?
   I Muzik
   II Video
   III Pengalaman
   IV Reka bentuk
   A I, II dan III
   B I, II dan IV
   C I, III dan IV
   D II, III dan IV

23. Apakah perbezaan antara sumber teknologi untuk perniagaan berasaskan produk dengan perniagaan berasaskan perkhidmatan?
   A Perniagaan perkhidmatan tiada produk yang boleh dipatenkan
   B Perniagaan perkhidmatan tiada produk yang diberi hak cipta terpelihara
   C Perniagaan perkhidmatan tiada produk yang diberi lesen perisian
   D Perniagaan perkhidmatan tiada produk yang diberi cap dagangan

24. Apakah kepentingan perlindungan insurans terhadap sumber fizikal kepada usahawan?
   A Melindungi nyawa pekerja
   B Melindungi harta benda pekerja
   C Melindungi perniagaan daripada risiko kecurian
   D Melindungi perniagaan daripada persaingan yang tidak sihat

25. Pernyataan berikut berkaitan dengan Kedai Emas Chalok.
   **Kedai Emas Chalok merupakan perniagaan merupakan perniagaan barangan kemas yang terkenal di bandar Permaisuri, Setiu Terengganu. Perniagaan ini sangat berisiko tinggi.**
   Apakah alat kelengkapan yang boleh dipasang pada premis perniagaan dari aspek keselamatan?

   I Pelan lantai
   II Alat penggera
   III Kamera litar tertutup
   IV Pengawal keselamatan
   A I dan II
   B I dan III
   C II dan III
   D III dan IV

26. Apakah jenis sumber pembiayaan yang membolehkan peniaga mencagarkan barangan berharga untuk mendapat pinjaman?
   A Sewa beli
   B Pajakan
   C Overdraf
   D Ar-Rahnu

27. Maklumat yang berikut berkaitan dengan sumber pembiayaan.
   **Puan Murni memulakan perniagaan kedai makan yang berhampiran dengan kawasan rumahnya dengan menggunakan wang simpanannya sebanyak RM50000.**
   **Apakah kelemahan sumber pembiayaan tersebut?**
   I Modal terhad
   II Memerlukan penjamin
   III Tertakluk pada syarat dan terma
   IV Sukar menambah modal dalam masa yang singkat
   A I dan II

   B I dan IV
   C II dan III
   D III dan IV

28. Apakah kelebihan sumber pembiayaan secara sewa beli kepada pembeli?
   A Tempoh pembayaran balik yang panjang
   B Jumlah bayaran keseluruhan yang lebih rendah
   C Kos penyelenggaraan ditanggung oleh pembiaya
   D Harta menjadi hak milik selepas pendahuluan dibayar

29. Antara yang berikut, manakah yang merupakan komponen Penyata Kewangan?
   I. Kunci Kira-Kira
   II. Akaun Semasa
   III. Akaun Simpanan
   IV. Penyata Aliran Tunai
   A I dan II
   B I dan IV
   C II dan III

D III dan IV

30. Rajah yang berikut berkaitan dengan pihak berkepentingan kepada penyata kewangan sesebuah perniagaan.




Siapakah X?

I Pelanggan
II Pengimport
III Pihak pengurusan
IV Institusi kewangan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

31. Antara berikut, yang manakah merupakan jenis penyata kewangan?

I Nisbah asas
II Kunci kira-kira
III Penyata pendapatan
IV Penyata aliran tunai

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

32. Antara yang berikut, yang manakah tujuan penyata kewangan disediakan?

I Mengukur prestasi perniagaan
II Mengukur keupayaan perniagaan
III Menilai kekuatan sesebuah perniagaan
IV Menunjukkan kedudukan kewangan perniagaan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

33. Butiran manakah yang dikelaskan sebagai aset semasa?

A Pemiutang
B Overdraf
C Perabot
D Inventori

34. Pernyataan berikut berkaitan kegunaan penyata kewangan kepada suatu pihak.

**Untuk menilai prestasi perniagaan serta membuat pertimbangan untuk pemberian ganjaran seperti bonus dan dividen.**

Siapakah pihak yang dimaksudkan?

A Pihak pengurusan
B Pemegang saham
C Pembekal
D Pelabur

35. Gambar menunjukkan beberapa barang keperluan harian.




Apakah jenis stok bagi barang tersebut?

A Stok bergerak cepat
B Stok bergerak lambat
C Stok tidak bergerak
D Stok lambakan

36. Berikut ialah faktor penyumbang untuk memulakan perniagaan **kecuali**

A Modal
B Kemahiran
C Lokasi yang sesuai
D Pelanggan

37. Yang manakah bukan tujuan pemasaran?

A Memastikan produk sampai kepada pengguna
B Menjana keuntungan perniagaan
C Membuka peluang pekerjaan

D Meningkatkan jualan produk

38. Apakah dokumen yang digunakan untuk merekod maklumat ambilan barang niaga oleh pemilik perniagaan?
   A Resit
   B Memo
   C Invois
   D Bil tunai

39. Apakah kepentingan Rancangan Perniagaan kepada peniaga?
   A Mencari pekerjaan yang baharu
   B Memberi panduan untuk pinjaman
   C Merancang keperluan sumber perniagaan
   D Membuat pelaburan untuk sesebuah perniagaan

40. Antara berikut, pernyataan yang manakah menerangkan tentang Rancangan Perniagaan?

   A Dokumen bertulis tentang maklumat perniagaan
   B Dokumen bertulis tentang hala tuju dan matlamat perniagaan
   C Dokumen bertulis tentang kedudukan kewangan perniagaan
   D Dokumen bertulis tentang latar belakang perniagaan secara terperinci

**KERTAS SOALAN TAMAT**

Disediakan oleh, Disemak oleh,

( ) ( )
ANGELIA GOH MEI YING SARKAWI KARIA